
**PENGGUNAAN NAS AL-QURAN DAN HADITH DALAM ALASAN PENGHAKIMAN KES
PENGESAHAN TARAF ANAK: ANALISIS KES IQMAL SYAHIR DANIAL BIN HAMDAN
DAN NOORATIKA BINTI ABU DAUD**

ⁱAdam Hakim Mohd Shahlan

ⁱJabatan Ilmu Wahyu, Pusat Asasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), 26300 Gambang, Pahang

*(First author) e-mail: adamhakim@iium.edu.my

ABSTRACT

This study examines the use of Quranic and Hadith texts as legal justifications in the Grounds of Judgment of the Syariah Court in Malaysia, focusing on the case of *Iqmal Syahir Danial Bin Hamdan and. Nooratika Binti Abu Daud* at the Perak Syariah High Court. This case represents one of the recurring issues in Islamic legal practice concerning the determination of a child's legitimacy status. The study aims to evaluate the appropriateness of Quranic and Hadith references within judicial reasoning by conducting *Takhrij* of the cited Hadiths and assessing the accuracy of textual citation methods based on the *Guidelines for Judicial Writing* issued by the Department of Syariah Judiciary Malaysia (JKSM). Methodologically, this qualitative research employs content analysis of judicial texts, analyzed thematically and comparatively, supported by inductive and deductive reasoning to ensure interpretive precision and validity of findings. The results reveal that four (4) Quranic verses and two (2) Hadiths, including two (2) *Hadith Marfu'*, were referenced in the judgment. The findings also highlight inaccuracies in the citation of certain texts that were inconsistent with JKSM guidelines, including the use of Hadith sources not found in the referenced collections. The study underscores the importance of precision and authenticity in the citation and application of scriptural sources to ensure that judicial decisions remain firmly grounded in authoritative Islamic jurisprudence. Further research is recommended to expand the analysis to other cases to enhance understanding and strengthen best practices in Islamic judicial writing in Malaysia.

Keywords: *Quranic and Hadith Texts, Grounds of Judgement, Legitimacy Determination, Judicial Writing Guidelines (JKSM), Takhrij of Hadith*

ABSTRAK

Kajian ini meneliti penggunaan nas al-Quran dan Hadith sebagai hujah dalam Alasan Penghakiman Mahkamah Syariah di Malaysia dengan memberi tumpuan kepada kes *Iqmal Syahir Danial Bin Hamdan dan Nooratika Binti Abu Daud* di Mahkamah Tinggi Syariah Perak, iaitu antara kes pengesahan taraf anak yang sering menjadi isu dalam perundangan Syariah. Kajian ini bertujuan menilai kesesuaian penggunaan nas dalam konteks penghakiman melalui pelaksanaan takhrij terhadap nas Hadith yang digunakan serta penilaian kaedah penukilan nas berdasarkan Garis Panduan Penulisan Teks Kehakiman yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Dari segi metodologi, kajian ini berasaskan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap teks penghakiman. Data dianalisis melalui pendekatan tematik dan komparatif yang disokong oleh analisis induktif serta deduktif bagi memastikan ketepatan interpretasi dan kesahan dapatan. Hasil kajian menunjukkan bahawa empat (4) nas al-Quran dan dua (2) nas Hadith telah digunakan dalam penghakiman, melibatkan dua (2) Hadith Marfu'. Dapatan turut mendedahkan wujud ketidaktepatan dalam penukilan beberapa nas yang tidak selaras dengan panduan JKSM, termasuk penggunaan sumber Hadith yang tidak wujud dalam kitab yang dinyatakan. Kajian ini menegaskan kepentingan ketelitian dalam penggunaan dan penukilan nas agar penghakiman yang dikeluarkan benar-benar berpaksikan kepada autoriti Syarak. Kajian lanjutan dicadangkan bagi memperluas analisis terhadap kes lain bagi memperkukuh pemahaman dan amalan penulisan teks kehakiman Islam di Malaysia.

Kata kunci: *Nas al-Quran dan Hadith, Alasan Penghakiman, Pengesahan Taraf Anak, Garis Panduan Penulisan Teks Penghakiman (JKSM), Takhrij Hadith*

Pendahuluan

Sistem Perundangan Syariah di Malaysia telah berkembang secara berperingkat seiring dengan proses penginstitutionan pentadbiran Islam yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa negeri. Sebelum kemerdekaan Tanah Melayu, undang-undang Syariah telah menjadi sebahagian daripada struktur pentadbiran negeri melalui pelaksanaan kod undang-undang seperti Undang-undang Melaka, Undang-undang 99 Perak (1596), Undang-undang Pahang (1572–1614) dan Undang-undang Johor (1789) (Nasir 1977). Di negeri Perak, Undang-undang 99 Perak yang berasaskan al-Quran dan Hadith telah memperuntukkan peraturan bagi kesalahan jenayah seperti mencuri serta hukum berkaitan munakahat termasuk perceraian dan rujuk (Harun, 2003). Dalam konteks moden, penubuhan rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Perak (JKSPk) pada 1 Mei 1995 telah menjadi titik penting dalam memperkukuh institusi kehakiman Syariah di bawah peruntukan Seksyen 40(1), (2) dan (3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 1992. Sebelum penubuhan rasmi ini, struktur Mahkamah Syariah masih berada di bawah bidang kuasa Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perak. Peralihan tersebut mencerminkan usaha sistematik kerajaan negeri untuk memperkukuh autonomi institusi kehakiman Syariah serta memperkemas tatacara pentadbiran perundangan Islam di negeri Perak (Muhammad 2009).

Dalam kerangka perundangan Syariah secara umumnya, penggunaan nas al-Quran dan Hadith sebagai hujah adalah amat penting bagi memastikan sesebuah hukum yang diputuskan adalah selari dengan kehendak Syarak. Nas-nas yang menyeru kepada berhukum dengan al-Quran dan Hadith datang dengan beragam gayanya, ada dengan bentuk perintah dan ada yang menyeru kepada berpegang dengannya. Contohnya adalah seperti berikut:

“Dan ia berkata lagi: "Wahai anak-anakku! Janganlah kamu masuk (ke bandar Mesir) dari sebuah pintu sahaja, tetapi masuklah dari beberapa buah pintu yang berlainan. Dan aku (dengan nasihatku ini), tidak dapat menyelamatkan kamu dari sesuatu takdir yang telah ditetapkan oleh Allah. Kuasa menetapkan sesuatu (sebab dan musabab) itu hanya tertentu bagi Allah. Kepada-Nyalah aku berserah diri, dan kepadaNyalah hendaknya berserah orang-orang yang mahu berserah diri” [Surah Yusuf, 12: 67], dan

“Aku telah tinggalkan kepada kalian dua perkara; kalian tidak akan sesat selama mana kalian berpegang teguh kepada kedua-duanya: iaitu Kitab Allah dan Sunnah Nabi-Nya.” [Muwatta’ Imam Malik, Kitab al-Qadr, Hadith Nombor: 1628].

Dalam konteks Malaysia hari ini, Mahkamah Syariah secara prinsipnya menerima dan menggunakan nas al-Quran dan Hadith sebagai komponen penting dalam Alasan Penghakiman, khususnya dalam kes-kes yang melibatkan persoalan Hukum Syarak yang memerlukan tafsiran langsung terhadap teks-teks wahyu. Walaubagaimanapun, penggunaan nas al-Quran dan Hadith dalam Alasan Penghakiman masih memerlukan penelitian lanjut. Penelitian ini adalah penting bagi mengenalpasti kesesuaian nas al-Quran dan Hadith yang digunakan sebagai hujah dalam Alasan Penghakiman di Mahkamah Utama Syariah Perak serta meneliti kaedah penukilan yang dilaksanakan sama ada bertepatan dengan Garis Panduan Penulisan Teks Kehakiman, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) ataupun tidak. Malahan, kegagalan mematuhi undang-undang dan Hukum Syarak akan menyebabkan penghakiman atau keputusan seseorang Hakim itu dipertikai dan dirayu. Ini menunjukkan bahawa undang-undang yang diwartakan telah meraikan Hukum Syarak, yang berteraskan nas al-Quran dan Hadith, dengan menjadikannya sebagai panduan kepada prosiding tatacara di Mahkamah Syariah. Tambahan pula, sekiranya berlaku ketidakselarasan, Hukum Syarak akan prevail, dan juga kelompongan dalam undang-undang, maka ia perlu diisi dengan Hukum Syarak (Ghazali 2005). Berikutan itu, Kes Iqmal Syahir Danial Bin Hamdan Lwn. Nooratika Binti Abu Daud iaitu antara kes pengesahan taraf anak yang sering menjadi isu dalam perundangan Syariah dirujuk. Tambahan pula, wujudnya nas al-Quran dan Hadith yang bervariasi untuk dikaji, merangkumi empat nas al-Quran dan dua nas Hadith telah digunakan.

Metodologi

Kajian dilaksana berasaskan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis kandungan terhadap teks Alasan Penghakiman kes Iqmal Syahir Danial Bin Hamdan dan Nooratika Binti Abu Daud yang diputuskan di Mahkamah Tinggi Syariah Perak. Pendekatan ini dipilih kerana sesuai untuk meneliti kesesuaian nas al-Quran dan Hadith yang digunakan serta menilai kaedah penukilan nas oleh Hakim Syarie. Data dianalisis menggunakan pendekatan tematik dan komparatif bagi mengenal pasti pola serta perbezaan dalam penggunaan nas, manakala analisis induktif dan deduktif diaplikasikan untuk menghubungkan prinsip Hukum Syarak dengan amalan kehakiman syarie kontemporari. Bagi memastikan penilaian lebih objektif, nas yang digunakan dalam alasan penghakiman dibandingkan dengan Garis Panduan Penulisan Teks Kehakiman oleh JKSM. Hasil analisis mendapati sebanyak empat nas al-Quran dan dua nas Hadith telah digunakan.

Latar Belakang Kes

Kes Iqmal Syahir Danial bin Hamdan dan Nooratika binti Abu Daud telah dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah Perak Darul Ridzuan, Ipoh, di hadapan YA Tuan Haji Mohammad Taifor bin Ahmad Rusdi. Kes ini melibatkan permohonan pengesahan taraf seorang kanak-kanak perempuan bernama NDA oleh kedua-dua Pemohon, yang memohon agar kanak-kanak tersebut disabitkan sebagai anak yang boleh dinasabkan kepada Pemohon 1 hasil perkahwinan mereka.

Peruntukan undang-undang yang dirujuk oleh Mahkamah dalam kes ini termasuklah:

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Seksyen 50 – berhubung bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah.

Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004, iaitu:

Seksyen 2 – Definisi anak tak sah taraf,

Seksyen 44 – Isu nasab dan syubhah,

Seksyen 111 – Siapa yang dikenali sebagai bapa,

Serta peruntukan berkaitan sijil daftar perkahwinan.

Fakta kes menunjukkan bahawa Pemohon 1 dan Pemohon 2 telah bernikah secara rahsia di Betong, Thailand pada 10 Oktober 2014 tanpa pengetahuan keluarga dan tanpa dokumen perjalanan yang sah, menggunakan khidmat agen perkahwinan. Setelah Pemohon 2 disahkan mengandung pada awal November 2014, pasangan ini bernikah semula secara rasmi di Malaysia pada 13 Februari 2015. Pada 3 Ogos 2015, Pemohon 2 melahirkan seorang anak perempuan di Hospital Ampang, yang menjadi subjek permohonan pengesahan taraf ini. Tiada bantahan dikemukakan oleh mana-mana pihak terhadap permohonan tersebut. Para Pemohon tidak mengemukakan saksi, namun menyertakan dokumen sokongan seperti salinan kad pengenalan, sijil nikah Malaysia, sijil keterangan nikah Thailand, dan buku kesihatan ibu.

Mahkamah setelah meneliti keterangan dan dokumen, memutuskan bahawa anak tersebut adalah anak syubhah hasil perkahwinan yang diiktiraf, serta membenarkan pendaftaran nama Pemohon 1 sebagai bapa sah dari sudut nasab. Mahkamah turut memberi hak kepada pihak yang tidak berpuas hati untuk memfailkan rayuan dalam tempoh 14 hari. Kes ini menimbulkan perbincangan mengenai aplikasi konsep syubhah dalam penentuan nasab serta peranan Mahkamah Syariah dalam melindungi hak anak dan kepastian identiti melalui prinsip keadilan dan masalah keluarga.

Rujukan kepada Garis Panduan Penulisan Penghakiman (JKSM)

Menurut Garis Panduan Penulisan Teks Penghakiman yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dengan kerjasama Jabatan Kehakiman Syariah/Mahkamah Syariah Negeri-negeri seluruh Malaysia, nas al-Quran dan Hadith berperanan sebagai rujukan utama dalam menghuraikan fakta dan maklumat yang dikemukakan dalam alasan penghakiman. Garis panduan tersebut menegaskan bahawa terdapat kaedah tertentu yang perlu dipatuhi bagi memastikan rujukan kepada nas al-Quran dan Hadith dibuat secara tepat, berautoriti serta memenuhi piawaian ilmiah. Bagi nas al-Quran khususnya, penukilan hendaklah dilaksanakan mengikut ketetapan yang diperincikan di bawah Arahan Ke-16 (Garis Panduan Penulisan Teks Penghakiman, 2014), yang menekankan aspek ketepatan teks, konteks tafsiran, serta keseragaman gaya penulisan dalam dokumen kehakiman Syariah, seperti berikut:

16 Ayat al-Quran tersebut hendaklah dinyatakan dalam bahasa arab berdasarkan Mashaf Uthmani dan disertakan dengan terjemahannya.

16.1 Petikan keseluruhan ayat al-Quran dan terjemah Bagi petikan keseluruhan ayat al-Quran, rujukan surah dan nombor ayat hendaklah ditulis dengan perkataan arab pada baris lain di sebelah kiri. Terjemahan bagi petikan keseluruhan ayat al-Quran hendaklah menyatakan keseluruhan terjemahan ayat dan dicondongkan manakala rujukan surah serta nombor ayat hendaklah ditulis pada baris lain disebelah kanan. Perkataan 'bermaksud' hendaklah digunakan bagi memulakan terjemahan.

16.2 Petikan sebahagian Ayat al-Quran dan Terjemahan Petikan sebahagian ayat al-Quran yang dikehendaki hendaklah diambil dan tempat yang digugurkan hendaklah diberi tanda titik iaitu pada sebelum atau/dan selepas ayat yang dipetik. Rujukan surah dan nombor ayat hendaklah ditulis dengan perkataan arab pada baris lain di sebelah kiri. Perkataan 'Bermaksud' hendaklah digunakan bagi memulakan terjemahan dan hendaklah dicondongkan (*Italic*).

16.2.1 Jika sebahagian ayat yang dikehendaki itu diambil dari awal ayat, hendaklah digunakan tanda titik di akhir ayat yang diambil.

16.2.2 Jika sebahagian ayat yang dikehendaki itu diambil dari pertengahan ayat sehingga akhir ayat, maka tanda titik hanya perlu ada di awal ayat dan tidak di akhir ayat yang diambil.

16.2.3 Jika petikan ayat yang digunakan berada ditengah-tengah ayat, maka perlu ada tanda titik di hadapan dan belakang ayat yang digunakan.

16.3 Petikan terjemahan al-Quran. Terjemahan ayat al-Quran hendaklah berpandukan Tafsir Pimpinan al-Rahman terbitan Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri. Terjemahan al-Quran hendaklah dimulakan dengan perkataan "Bermaksud" dan diikuti oleh tanda titik bertindih.

Manakala bagi rujukan Hadith pula, panduan nukilannya adalah seperti berikut (Garis Panduan Penulisan Teks Penghakiman, 2014):

17 Teks Hadith dicetak dalam bahasa arab dan rujukan Hadith dalam koleksi-koleksi tertentu dibuat kepada bilangan atau nama kitab dan bab sesuatu Hadith itu didapati.

17.1 Terjemahan hadith Terjemahan Hadith boleh dicetak dengan ejaan rumi, mempunyai tanda baca dan berpandukan kepada kitab Hadith yang muktabar. Nama perawi dan sumber rujukannya hendaklah dinyatakan (jika ada).

Dapatan Kajian

Analisis Nas al-Quran

Penggunaan Nas al-Quran dalam berhukum telah diamalkan sejak zaman Baginda SAW. Hal ini rentetan daripada arahan Allah SWT yang menyuruh semua Muslim untuk berhukum dengan apa-apa yang diarahkan oleh Allah SWT. Antara ayat al-Quran yang membawa erti demikian adalah seperti berikut:

مَا تَعْبُدُونَ مِنْ دُونِهِ إِلَّا أَسْمَاءٌ سَمَّيْتُمُوهَا أَنْتُمْ وَآبَاءُكُمْ مِمَّا أَنْزَلَ اللَّهُ بِهَا مِنْ سُلْطَانٍ ۚ إِنَّ الْخُكْمَ لِلَّهِ ۚ أَمَرَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ ۚ ذَلِكَ الْدِينُ الْقَائِمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ [يوسف: 40]

Bermaksud: “*Apa yang kamu sembah, yang lain dari Allah, hanyalah nama-nama yang kamu menamakannya, kamu dan datuk nenek kamu, Allah tidak pernah menurunkan sebarang bukti yang membenarkannya. Sebenarnya penentuan hukum hanyalah bagi Allah. Ia memerintahkan supaya kamu jangan menyembah melainkan Dia. Yang demikian itulah Ugama yang betul, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui*” [Yusuf, 12: 40].

Al-Imam Ibn Jarir at-Tabari Ketika mensyarahkan potongan ayat “*Sebenarnya penentuan hukum hanyalah bagi Allah. Ia memerintahkan supaya kamu jangan menyembah melainkan Dia*” menyebutkan bahawasanya “Dialah (Allah) yang memerintahkan agar kamu dan seluruh makhluk tidak menyembah melainkan hanya Allah semata-mata, yang memiliki sifat keilahian dan hanya Dia sahaja yang berhak menerima ibadah secara tulus ikhlas, tanpa sebarang sekutu daripada apa jua makhluk selain-Nya” (At-Tabari, tt). Difahami melalui ayat ini bahawasanya hanyalah Allah yang berhak menentukan hukum yang wajar dipatuhi oleh hamba-hamba-Nya, sama ada dalam konteks Ibadat, Muamalat, Jenayah atau Munakahat.

Tambahan pula, merujuk kepada Garis Panduan Penulisan Teks Penghakiman oleh JKSM yang berkuatkuasa mulai 31 Disember 2014, rujukan kepada nas al-Quran wajar dilaksanakan oleh Yang Arif Hakim-hakim sebagai hujah bagi mengukuhkan fakta yang dikemukakan dalam Alasan Penghakiman (Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, 2014). Hal ini pada dasarnya selari dengan amalan para hakim (Qadhi) terdahulu yang sentiasa merujuk kepada nas al-Quran sebagai sandaran hukum mahupun tatacara sesuatu hukum tersebut disabitkan. Menurut Ibn al-Qas, seseorang hakim perlulah arif terhadap ilmu al-Quran, as-Sunnah atau Hadith, perkara yang telah menjadi persepakatan Umat Islam (Ijma’ al-Ummah) dan perkara yang diperselisihkan oleh Ulama Salaf (Ikhtilaf as-Salaf) (Ibn al-Qas, 1989).

Berdasarkan analisis yang dilaksanakan bagi nas al-Quran dalam kes Iqmal Syahir Danial bin Hamdan dan Nooratika binti Abu Daud, terdapat empat nas al-Quran yang digunakan sebagai hujah dalam konteks Alasan Penghakiman. Nas al-Quran yang digunakan adalah seperti berikut:

1. **Nas al-Quran Pertama:** Firman Allah SWT dalam Surah an-Nisaa’ ayat ke-58 berikut (Alasan Penghakiman Kes Iqmal Syahir Danial bin Hamdan dan Nooratika binti Abu Daud, 2015):

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ۚ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

Maksudnya:

“*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat*”

Fakta Nas: Nas ini dinukilkan pada muka surat ke-141, perenggan ke-9 bagi Alasan Penghakiman Kes Iqmal Syahir Danial bin Hamdan dan Nooratika binti Abu Daud. Konteks nas adalah seperti berikut:

[9] Dalam membuat pertimbangan terhadap tuntutan ini, saya terlebih dahulu perlu melihat kepada isu adakah Mahkamah Tinggi Syariah Perak berbidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan tuntutan ini. Allah SWT telah menjelaskan hukum berhubung dengan bidang kuasa Mahkamah atau Hakim melalui Firman-Nya di dalam yang bermaksud (Surah An-Nisaa': Ayat 58) ...

Kesesuaian Nas: Nas dari Surah an-Nisa' ayat ke-58 ini menekankan bahawasanya Allah memerintahkan kaum Muslimin untuk menunaikan amanah yang diberikan kepada yang berhak, sekaligus menjadikan elemen khianat sebagai larangan secara *Mafhum Mukhalafah* bagi ayat ini. Selain itu, pihak-pihak yang diberikan kekuasaan untuk berhukum juga dikehendaki melaksanakan keadilan dalam setiap penghakiman. Merujuk kepada Ibn Kathir dalam *Tafsir al-Qur'an al-Azhim*, ayat ini menyeru kepada menunaikan amanah sama ada kepada Allah dan manusia. Bagi hak manusia, Antara hak-hak sesama manusia ialah apa yang mereka percayakan antara satu sama lain, seperti barangan yang diamanahkan (sebagai simpanan) dan seumpamanya, yang diserahkan tanpa sebarang bukti yang zahir. Maka Allah SWT telah memerintahkan agar hak-hak tersebut disempurnakan (dikembalikan kepada pemiliknya). Sesiapa yang tidak menunaikannya di dunia, nescaya perkara itu akan diambil daripadanya pada hari Kiamat (Ibn Kathir, 1998). Malahan, Ibn Kathir menjelaskan bahawa kalimah "يَأْمُرُكُمْ" tersebut membawa konotasi Wajib yang memerintahkan untuk amanah dilaksanakan dengan adil dan saksama.

Dalam meneliti kesesuaian lanjut bagi penggunaan nas ini, didapati nas turut digunakan dalam Alasan Penghakiman Kes Esah binti Mohamad Iwn. Mad Noor bin Lamin (Rayuan Perayu) di Mahkamah Utama Syariah Perak pada tahun 2020, dengan konteks iaitu "*Satu prinsip yang jelas telah menetapkan bahawa mahkamah perlu berperanan untuk melaksanakan keadilan dengan memberikan hak kepada yang benar-benar berhak*" (Alasan Penghakiman Kes Esah binti Mohamad Iwn. Mad Noor bin Lamin (Rayuan Perayu), 2020). Konteks yang dibawakan dalam Kes Esah binti Mohamad Iwn. Mad Noor bin Lamin (Rayuan Perayu) yang menetapkan bahawasanya prinsip Mahkamah adalah untuk melaksanakan keadilan dan memberikan hak kepada yang benar-benar berhak adalah dibawah bidang kuasa Mahkamah atau Hakim kerana Mahkamah dilarang memberikan hukuman diluar bidang kuasa yang ditetapkan. Bidang kuasa Mahkamah diibaratkan sebagai Amanah yang diberikan oleh Pemerintah bagi melaksanakan keadilan kepada Masyarakat, selari dengan firman Allah SWT dalam Surah an-Nisa' ayat ke-58. Justeru, keputusan Mahkamah yang menjatuhkan hukum bagi kes ini adalah tepat dan selari dengan Bidang kuasa khususnya Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Seksyen 50 berhubung bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah dan Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004 iaitu Seksyen 2 berkenaan definisi anak tak sah taraf, Seksyen 44 berkenaan isu nasab dan syubhah dan Seksyen 111 berkaitan Siapakah yang dikenali sebagai bapa bagi seseorang anak.

Kaedah Penukilan: Tidak tepat berdasarkan Garis Panduan Penulisan Teks Kehakiman oleh JKSM kerana tidak memasukkan elemen-elemen berikut (JKSM, 2014):

- Tidak meletakkan rujukan surah dan nombor ayat dengan perkataan Arab pada baris di sebelah kiri.
- Tidak mencondongkan terjemahan ayat.
- Rujukan surah dalam Bahasa Melayu serta nombor ayat tidak ditulis pada baris disebelah kanan.
- Penggunaan perkataan "Maksudnya" berbanding "Bermaksud".

Nukilan yang tepat adalah seperti berikut:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا ۖ وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ۚ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

سورة النساء: 58

Bermaksud:

“Sesungguhnya, Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu meghukum dengan adil. Sesungguhnya, Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya, Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat”.

Surah an-Nisa’: ayat 58

2. **Nas al-Quran Kedua:** Firman Allah SWT dalam Surah al-A’raaf ayat ke-189 berikut (Alasan Penghakiman Kes Iqmal Syahir Danial bin Hamdan dan Nooratika binti Abu Daud, 2015):

وَالَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَجَعَلَ مِنْهَا زَوْجَهَا لِيَسْكُنَ إِلَيْهَا فَلَمَّا تَغَشَّاهَا حَمَلَتْ حَمْلًا خَفِيًّا فَمَرَّتْ بِهِ فَلَمَّا أَثْقَلَتْ دَعَوَا اللَّهَ رَبَّهُمَا لَئِنْ آتَيْنَا صَالِحًا لَتُكُونَنَّ مِنَ الشَّاكِرِينَ

Maksudnya:

“Dialah (Allah) yang menciptakan kamu semua dari (hakikat) diri yang satu, dan Ia mengadakan daripada hakikat itu pasangannya (diri suami isteri), untuk bersenang-hati dan hidup mesra yang satu kepada yang lain. Ketika suami mencampuri isterinya, mengadunglah ia dengan kandungan yang ringan. Teruslah dia merasa ringan (beberapa waktu). Kemudian, Ketika dia merasa berat, keduanya (suami isteri) bermohon kepada Allah Tuhan mereka (seraya berkata) jika engkau memberi kami anak yang soleh, tentulah kami akan selalu bersyukur”.

Fakta Nas: Nas ini dinukilkan pada muka surat ke-144, perenggan ke-15 bagi Alasan Penghakiman Kes Iqmal Syahir Danial bin Hamdan dan Nooratika binti Abu Daud. Konteks nas adalah seperti berikut:

[15] Seterusnya, saya merujuk kepada sumber utama hukum syarak mengenai persoalan nasab ini, Allah SWT telah berfirman yang bermaksud (Surah Al-A’raaf, ayat 189)

Kesesuaian Nas: Nas ini dijadikan ayat permulaan bagi dua nas al-Quran lain bagi menerangkan berkenaan proses kejadian manusia dalam rahim sang Ibu. Nas ini dinukilkan bagi memberikan gambaran penuh mengenai aspek penisbahan nasab seseorang anak kepada ibu bapanya, dengan adanya sepasang suami isteri yang sah, yang bersama lantas dikurniakan seorang anak dalam kandungannya. Menurut Jalal ad-Din as-Suyuthi dalam Tafsir al-Jalalain, nas ini merakamkan kisah bapa umat manusia iaitu Adam ‘alaihissalam dan isterinya Hawa ketika Hawa mula mengandung. Ada ketikanya kandungan tersebut ringan dan mudah dibawa, namun seiring beredarnya waktu, kandungan mula membesar dan Hawa mula merasa kesulitan. Lantaran itu, Adam dan Hawa memohon kepada Allah untuk dikurniakan anak yang Soleh (Al-Jalalain, tt). Kisah ini merakamkan proses alami seorang ibu ketika mengandung serta pengharapan yang besar agar dikurniakan anak yang Soleh.

Dalam meneliti kesesuaian nas tersebut, terdapat Ulasan Alasan Penghakiman yang meneliti kewajaran nas tersebut dibawakan. Nas tersebut yang memberi fahaman bahawasanya sejak diciptakan Adam dan Hawa, seseorang anak dinasabkan kepada ibu dan bapanya. Berdasarkan Ulasan Penghakiman, penasaban seseorang anak disabitkan sekiranya anak tersebut dilahirkan hasil persetubuhan antara lelaki dan wanita setelah perkahwinan mereka diakui sah menurut hukum syarak, sama ada perkahwinan yang sah, perkahwinan fasid, persetubuhan syubhah (wat al-syubhah), atau melalui perakuan (iqrar) oleh bapa bahawa anak tersebut adalah miliknya. Sekiranya kelahiran anak tidak memenuhi kriteria tersebut, maka anak itu tidak boleh dinasabkan kepada bapa zina atau lelaki lain (Zuhaili, 1984). Kriteria pensabitan nasab perlu dijelaskan dengan teliti bagi mengelakkan sebarang kekeliruan. Antaranya adalah seperti berikut: perkahwinan yang sah menurut hukum syarak, iaitu perkahwinan yang memenuhi rukun-rukun nikah serta menepati syarat-syarat yang ditetapkan, termasuk syarat sah bagi suami, isteri, saksi, wali, dan sighthah (Mustaqim & Noormasitah, 2022).

Kesalahan kecil ditemui pada nukilan nas ini iaitu pada lafaz “وَالَّذِي” yang mana sebenarnya adalah dengan lafaz “هُوَ الَّذِي”.

Kaedah Penukilan: Tidak tepat berdasarkan Garis Panduan Penulisan Teks Kehakiman oleh JKSM kerana tidak memasukkan elemen-elemen berikut (JKSM, 2014):

- Tidak meletakkan rujukan surah dan nombor ayat dengan perkataan Arab pada baris di sebelah kiri.
- Tidak mencondongkan terjemahan ayat.
- Rujukan surah dalam Bahasa Melayu serta nombor ayat tidak ditulis pada baris disebelah kanan.
- Penggunaan perkataan “Maksudnya” berbanding “Bermaksud”.

Nukilan yang tepat adalah seperti berikut:

هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَجَعَلَ مِنْهَا زَوْجَهَا لِيَسْكُنَ إِلَيْهَا ۖ فَلَمَّا تَغَشَّاهَا حَمَلَتْ حَمْلًا خَفِيًّا فَمَرَّتْ بِهِ ۖ فَلَمَّا أَثْقَلَتْ دَعَا اللَّهَ رَبَّهُمَا لَئِنْ آتَيْنَا صَلَاحًا لِنُكَونَنَّ مِنَ الشَّاكِرِينَ

سورة الأعراف: 189

Bermaksud:

“Dialah (Allah) yang menciptakan kamu semua dari (hakikat) diri yang satu, dan Ia mengadakan daripada hakikat itu pasangannya (diri suami isteri), untuk bersenang-hati dan hidup mesra yang satu kepada yang lain. Ketika suami mencampuri isterinya, mengadunglah ia dengan kandungan yang ringan. Teruslah dia merasa ringan (beberapa waktu). Kemudian, Ketika dia merasa berat, keduanya (suami isteri) bermohon kepada Allah Tuhan mereka (seraya berkata) jika engkau memberi kami anak yang soleh, tentulah kami akan selalu bersyukur”.

Surah al-‘Araf: ayat 89

3. Nas al-Quran Ketiga: Firman Allah SWT dalam Surah al-Ahqaf ayat ke-15 berikut (Alasan Penghakiman Kes Iqmal Syahir Danial bin Hamdan dan Nooratika binti Abu Daud, 2015):

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَلَدَيْهِ أَخْشَنًا حَمَلَهُهُ امُّهُ كُرْهًا وَوَضَعْتَهُ كُرْهًا وَحَمَلَهُهُ وَفَضْلُهُ ثَلَاثُونَ شَهْرًا

Maksudnya:

“dan kami perintahkan kepada manusia agar berbuat baik kepada kedua orang tuanya. Ibunya telah mengandungnya dengan menanggung susah payah dan telah melahirkannya dengan menanggung susah payah. Sedang tempoh mengandungnya berserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan”

Fakta Nas: Nas ini dinukilkan pada muka surat ke-144, perenggan ke-16 dan ke-18 bagi Alasan Penghakiman Kes Iqmal Syahir Danial bin Hamdan dan Nooratika binti Abu Daud. Konteks nas adalah seperti berikut:

[16] Seterusnya, Firman Allah SWT yang bermaksud (Surah Al-Ahqaf Ayat 15): ... , dan

[18] Melalui ayat 15 Surah al-Ahqaf di atas, menjelaskan tempoh mengandung hingga tempoh menceraikan susu ialah tiga puluh bulan, manakala ayat 14 Surah Luqman pula menjelaskan bahawa tempoh menceraikan susu ialah dua tahun, iaitu 24 bulan. Oleh yang demikian, tempoh sependek-pendek hamil atau mengandung yang diiktiraf oleh hukum syarak ialah selama enam bulan.

Kesesuaian Nas: Nukilan nas dalam Surah al-Ahqaf ini adalah sebagai penerangan melalui sudut pandangan Syarak berkenaan tempoh minimum seseorang itu mengandung sebelum melahirkan agar anak dalam kandungan diiktiraf sebagai anak sah taraf oleh Syarak. Ayat tersebut yang menyatakan bahawasanya tempoh mengandung wanita dan tempoh menyusui bagi seseorang anak selama 30 bulan dijelaskan secara lanjut dalam ayat ke-14 Surah Luqman yang akan dibahaskan di nas seterusnya.

Secara umumnya, kefahaman yang dibawakan oleh Yang Arif Hakim bagi nas ke-15 dari Surah al-Ahqaf ini Adalah tepat dengan adanya sokongan daripada karya Tafsir seperti at-Tabari iaitu “Allah SWT berfirman: Ibu kandungnya mengandungnya sebagai janin dalam rahimnya, menyusui dan memandikannya, serta menyusui dia selama tiga puluh bulan” (At-Tabari, tt). Malahan, kajian yang berjudul *Masa Kehamilan dan Persalinan dalam Perspektif AlQur'an dan Sains: Kajian Surah Al-Ahqaf Ayat 15* menyimpulkan bahawa Surah al-Ahqaf ayat ke-15 menggambarkan dengan tepat kompleksiti kehamilan dan proses kelahiran, yang disokong oleh penemuan sains moden. Frasa yang menyatakan kesukaran ibu mengandung dan melahirkan mencerminkan cabaran fizikal dan emosi sepanjang tempoh kehamilan, sejajar dengan kajian mengenai perubahan hormon, alahan pagi, dan risiko perubatan. Tempoh 30 bulan kehamilan dan penyusuan pula selaras dengan tempoh ideal penyusuan susu ibu selama 24 bulan dan tempoh kehamilan minimum 6 bulan. Implikasi kajian ini menekankan pentingnya pendekatan holistik dalam penjagaan maternal yang mengintegrasikan aspek spiritual dan perubatan, pendidikan masyarakat mengenai pengorbanan ibu berdasarkan Quran dan sains, serta keperluan kajian lanjutan terhadap ayat-ayat lain yang berkaitan reproduksi manusia. Kajian ini memperkukuh kedudukan Al-Qur'an sebagai panduan yang relevan merentasi zaman (Ahmad Ridhoni et al., 2025).

Kaedah Penukilan: Tidak tepat berdasarkan Garis Panduan Penulisan Teks Kehakiman oleh JKSM kerana tidak memasukkan elemen-elemen berikut (JKSM, 2014):

- Tidak digunakan tanda titik di akhir ayat yang diambil.
- Tidak meletakkan rujukan surah dan nombor ayat dengan perkataan Arab pada baris di sebelah kiri.
- Tidak mencondongkan terjemahan ayat.
- Rujukan surah dalam Bahasa Melayu serta nombor ayat tidak ditulis pada baris disebelah kanan.
- Penggunaan perkataan “Maksudnya” berbanding “Bermaksud”.

Nukilan yang tepat adalah seperti berikut:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَلَدَيْهِ أَحْسَنًا حَمَلَتْهُ أُمُّهُ كُرْهًا وَوَضَعَتْهُ كُرْهًا وَحَمَلَهُ وَفَضَّلَهُ نُلْتُونَ شَهْرًا ...

سورة الأحقاف: 15

Bermaksud:

“dan kami perintahkan kepada manusia agar berbuat baik kepada kedua orang tuanya. Ibunya telah mengandungnya dengan menanggung susah payah dan telah melahirkannya dengan menanggung susah payah. Sedang tempoh mengandungnya berserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan”

Surah al-Ahqaf: ayat 15

4. **Nas al-Quran Keempat:** Firman Allah SWT dalam Surah Luqman ayat ke-14 berikut (Alasan Penghakiman Kes Iqmal Syahir Danial bin Hamdan dan Nooratika binti Abu Daud, 2015):

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَلَدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهْنًا عَلَى وَهْنٍ وَفَضَّلَهُ فِي عَمَإَيْنِ أَنِ اشْكُرْ لِي وَلِوَلَدِكَ إِلَى الْمَصِيرِ

Maksudnya:

“dan kami perintahkan kepada manusia (agar berbuat baik) kepada kedua orang tuanya. Ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunnya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun bersyukurlah kepadaku dan kepada orang tuamu. Hanya kepada Allah kembalimu”.

Fakta Nas: Nas ini dinukilkan pada muka surat ke-144 hingga 145, perenggan ke-17 dan ke-18 bagi Alasan Penghakiman Kes Iqmal Syahir Danial bin Hamdan dan Nooratika binti Abu Daud. Konteks nas adalah seperti berikut:

[17] Dalam ayat yang lain, Allah SWT telah berfirman yang bermaksud (Surah Al-Luqman: Ayat 14): ... dan

[18] Melalui ayat 15 Surah al-Ahqaf di atas, menjelaskan tempoh mengandung hingga tempoh menceraikan susu ialah tiga puluh bulan, manakala ayat 14 Surah Luqman pula menjelaskan bahawa tempoh menceraikan susu ialah dua tahun, iaitu 24 bulan. Oleh yang demikian, tempoh sependek-pendek hamil atau mengandung yang diiktiraf oleh hukum syarak ialah selama enam bulan.

Kesesuaian Nas: Nas ke-14 Surah tersebut merupakan pelengkap kepada nas yang dinukilkan sebelum ini dalam Alasan Penghakiman iaitu ayat ke-15 dari Surah al-Ahqaf. Nas ini menerangkan bahawasanya tempoh yang dianjurkan oleh Syarak bagi seseorang ibu menyusukan anaknya adalah selama 2 tahun yang bersamaan dengan 24 bulan. Justeru, Yang Arif Hakim menyimpulkan bahawasanya tempoh menyusu adalah selama 24 bulan dan bagi 6 bulan lagi daripada 30 bulan adalah sebagai tempoh minimum seseorang wanita itu mengandung sebelum melahirkan anak yang diiktiraf oleh Syarak. Tambahan pula, Ibn Kathir menukilkan pandangan Ibn ‘Abbas dan para Sarjana lain bahawasanya berdasarkan kedua-dua nas ini, tempoh minimum kehamilan adalah enam bulan (Ibn Kathir, 1998).

Rentetan daripada itu, peruntukan seksyen 111 Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004 dirangka dan memperuntukkan undang-undang seperti berikut:

Jika seseorang perempuan yang berkahwin dengan seseorang lelaki melahirkan seorang anak lebih daripada enam bulan qamariah dari tarikh perkahwinannya itu atau dalam masa empat tahun qamariah selepas perkahwinannya itu dibubarkan sama ada oleh sebab kematian lelaki itu atau oleh sebab perceraian, dan perempuan itu pula tidak berkahwin semula, maka lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa anak itu, tetapi lelaki itu boleh, dengan cara li'an atau kutukan, menafikan anak itu sebagai anaknya di hadapan Mahkamah.

Disamping itu, bukan sahaja di Negeri Perak, malah dalam kebanyakan Undang-undang Keluarga Islam Negeri di Malaysia, anak tidak sah taraf merujuk kepada anak yang lahir di luar nikah, sama ada kerana perbuatan zina, paksaan, atau melalui kaedah saintifik yang bertentangan dengan hukum syarak. Oleh itu, anak tidak sah taraf ini berbeza dengan anak hasil persetubuhan yang syubhah, anak perhambaan, atau anak yang lahir kurang daripada enam bulan setelah tarikh akad nikah. Tempoh enam bulan ini adalah selaras dengan nas al-Quran dan prinsip hukum syarak yang menetapkan bahawa bayi dianggap sah taraf sekiranya lahir selepas tempoh yang munasabah, iaitu minimum enam bulan dari tarikh pernikahan, bagi memastikan kesahihan keturunan dan menjaga kemaslahatan keluarga (Zurina et al., 2023).

Kaedah Penukilan: Tidak tepat berdasarkan Garis Panduan Penulisan Teks Kehakiman oleh JKSM kerana tidak memasukkan elemen-elemen berikut (JKSM, 2014):

- Tidak meletakkan rujukan surah dan nombor ayat dengan perkataan Arab pada baris di sebelah kiri.
- Tidak mencondongkan terjemahan ayat.
- Rujukan surah dalam Bahasa Melayu serta nombor ayat tidak ditulis pada baris disebelah kanan.
- Penggunaan perkataan “Maksudnya” berbanding “Bermaksud”.

Nukilan yang tepat adalah seperti berikut:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَلَدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهَنَا عَلَى وَهْنٍ وَفَضَّلَهُ فِي عَمَزَيْنِ أَنْ أَشْكُرَ لِي وَلَوْلَايَكَ إِلَى الْمَصِيرِ

سورة لقمان: 14

Bermaksud:

“dan kami perintahkan kepada manusia (agar berbuat baik) kepada kedua orang tuanya. Ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun bersyukurlah kepadaku dan kepada orang tuamu. Hanya kepada Allah kembalimu”

Surah Luqman: 14

Analisis Nas Hadith

Nas Hadith berperanan penting bagi menerangkan hukum-hakam yang disebutkan secara umum dan *Mujmal* dalam al-Quran. Malahan, terdapat juga beberapa hukum yang tidak disebutkan dalam al-Quran namun diaplikasikan oleh Nabi SAW sama ada dalam konteks Ibadat atau Muamalat. Contohnya adalah seperti hukuman rejam sampai mati bagi penzina yang *Muhsan* iaitu penzina yang telah berkahwin. Kata ‘Umar bin al-Khattab berikut (Muslim, 1955):

«أَنَّ اللَّهَ قَدْ بَعَثَ مُحَمَّدًا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْحَقِّ. وَأُنْزِلَ عَلَيْهِ الْكِتَابُ. فَكَانَ بَيْنَ أَنْزِلَ عَلَيْهِ آيَةُ الرَّجْمِ. قَرَأْنَاهَا وَوَعَيْنَاهَا وَعَقَلْنَاهَا. فَرَجَمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَرَجَمْنَا بَعْدَهُ. فَأُخِصَّتْ، إِنْ طَالَ بِالنَّاسِ زَمَانٌ، أَنْ يَقُولَ قَائِلٌ: مَا نَجِدُ الرَّجْمَ فِي كِتَابِ اللَّهِ. فَيَضِلُّوا بِتَرْكِ فَرِيضَةِ أَنْزَلَهَا اللَّهُ. وَإِنَّ الرَّجْمَ فِي كِتَابِ اللَّهِ حَقٌّ عَلَى مَنْ زَنَى إِذَا أُخِصَّ، مِنَ الرِّجَالِ وَالنِّسَاءِ، إِذَا قَامَتِ الْبَيِّنَةُ، أَوْ كَانَ الْحُبْلَاءُ أَوْ الْإِعْتِرَافُ» [رواه مسلم في كتاب الحدود، باب رجم الثيب في الزنا، رقم الحديث: 1691].

Bermaksud:

“Allah telah mengutus Nabi Muhammad SAW dengan kebenaran dan menurunkan Kitab kepadanya. Di antara yang diturunkan adalah ayat mengenai hukuman Rejam bagi penzina Muhsan. Kami telah membacanya, memahaminya dan menghayatinya. Rasulullah SAW melaksanakan hukuman rajam dan kami juga melaksanakannya selepas baginda. Kekhuatiran itu timbul, jika manusia diberi masa yang panjang, bahawa ada orang akan berkata: "Kami tidak menemui hukuman rajam dalam Kitab Allah." Mereka akan sesat dengan meninggalkan satu kewajipan yang Allah turunkan. Sesungguhnya hukuman Rejam dalam Kitab Allah adalah benar untuk orang yang berzina yang sudah berkahwin, sama ada lelaki atau perempuan, apabila terdapat bukti nyata atau pengakuan”

[Diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam Sahihnya, dalam Kitab al-Hudud, Bab Rejam ke atas Penzina Muhsan, Nombor Hadith 1691]

Justeru, para Sarjana sentiasa memberikan perhatian khusus dalam memahami Hadith agar hukum Islam dan Syariah dapat dilaksanakan sejajar dengan kehendak Syarak. Berdasarkan analisis yang dilaksanakan bagi nas Hadith dalam kes Iqmal Syahir Danial bin Hamdan dan Nooratika binti

Abu Daud, didapati adanya 2 nas Hadith yang digunakan sebagai hujah dalam konteks Alasan Penghakiman terbabit. Nas tersebut yang digunakan adalah seperti berikut:

1. **Nas Hadith Pertama:** Hadith Nabi SAW berikut (Alasan Penghakiman Kes Iqmal Syahir Danial bin Hamdan dan Nooratika binti Abu Daud, 2015):

“Mana-mana wanita yang telah berkahwin tanpa menggunakan walinya, maka perkahwinan tersebut adalah batal” (Muslim)

Fakta Nas: Nas ini dinukilkan pada muka surat ke-150, perenggan ke-32 bagi Alasan Penghakiman Kes Iqmal Syahir Danial bin Hamdan dan Nooratika binti Abu Daud. Konteks nas adalah seperti berikut:

[32] Mengikut satu riwayat daripada Saidatina Aisyah r.a bahawa Rasulullah SAW. bersabda maksudnya:

Takhrij Hadith:

- Hadith ini didatangkan dengan menyebut nama perawi tertinggi iaitu Ummul Mukminin Saidatina ‘Aisyah RA daripada Rasulullah SAW.
- Hadith ini juga ditulis bahawasanya ianya diriwayatkan oleh Imam Muslim walaupun tiada matan berbahasa Arab yang dibawakan serta tiada perincian berkenaan Kitab apakah dan dalam bab apakah Hadith ini dinukilkan.
- Setelah diteliti dalam dua cetakan Sahih Muslim iaitu Sahih Muslim dengan Tahqiq Syeikh Fuad ‘Abdil Baqi cetakan Matba’ah ‘Isa, Kaherah dan Sahih Muslim dengan Tahqiq Syeikh Muhammad Dzihni Affendi cetakan Dar at-Taba’ah al-‘Amirah, Turki, didapati tiada riwayat Hadith tersebut direkodkan dalam Sahih Muslim (Muslim, 1955 & Muslim, 1915).
- Adapun matan Hadith ini dengan riwayat ‘Aisyah RA didapati direkodkan dalam Sunan Abi Daud, Sunan Ibn Majah dan Sunan at-Tirmizi.
- Pandangan ini dikuatkan lagi dengan hasil Takhrij yang dibuat dalam kitab al-Fiqh al-Manhaji ketika membicarakan berkenaan Hukum Pernikahan Tanpa Wali yang turut menukilkan Hadith yang sama (Mustafa al-Khin et al., 1992).
- Dalam karya tersebut, hanya disebutkan 3 karya utama Hadith sahaja iaitu Sunan at-Tirmizi, Abi Daud dan Ibn Majah tanpa Sahih Muslim.
- Dalam al-Fiqh ‘ala Mazahib al-‘Arba’ah (karya yang digunakan dalam Alasan Penghakiman perenggan ke-31), Hadith ini juga ada dinukilkan namun tidak dinyatakan sebagai riwayat Muslim dan hanya dinyatakan sebagai diriwayatkan oleh az-Zuhri dari ‘Aisyah (Abdul Rahman, 2004).
- Malahan, riwayat ini juga dinyatakan dalam ‘Ilal ad-Daraqutni sebagai Hadith yang mempunyai kecacatan tersembunyi pada sanadnya iaitu pada jalur az-Zuhri seperti yang dibawakan dalam al-Fiqh ‘ala Mazahib al-‘Arba’ah (Ad-Daraqutni, 1985).
- Justeru, Takhrij bagi riwayat tersebut adalah diriwayatkan oleh Imam Abu Daud dalam Sunannya iaitu pada Kitab an-Nikah, Bab Wali, Hadith ke-2083. Hadith ini berstatus Sahih menurut Syeikh Abdil ‘Aziz ar-Rajihi (Abu Daud, tt). Hadithnya adalah seperti berikut:

عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «أَيُّمَا امْرَأَةٍ نَكَحَتْ بِغَيْرِ إِذْنِ مَوْلَاهَا، فَبَكَاحُهَا بَاطِلٌ»، ثَلَاثَ مَرَّاتٍ «فَإِنْ دَخَلَ بِهَا فَالْمَهْرُ لَهَا بِمَا أَصَابَ مِنْهَا، فَإِنْ تَشَاجَرُوا فَالسُّلْطَانُ وَلِيُّ مَنْ لَا وَلِيَّ لَهُ» [رواه أبو داود في كتاب النكاح، باب في الولي، رقم الحديث: 2083].

Bermaksud:

“Daripada ‘Aisyah beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda: Mana-mana wanita yang menikah tanpa keizinan wali-walinya, maka pernikahannya batal, dan sabda Rasul itu diulang tiga kali untuk penegasan. Baginda juga menyatakan: Jika suami masuk kepadanya (bersetubuh), maka maharnya tetap menjadi hak wanita itu sesuai dengan apa yang

diterimanya dari suaminya secara sah. Jika berlaku perselisihan, pihak pemerintah atau sultan menjadi wali bagi yang tiada wali”

[Diriwayatkan oleh Imam Abu Daud dalam Kitab an-Nikah, Bab Wali, Hadith Nombor 2083]

- Hadith ini juga direkodkan dalam Sunan at-Tirmizi dalam Kitab an-Nikah, Bab Tiada Nikah kecuali dengan Wali/Izin Wali, Hadith ke-1102 dengan matan yang sedikit berbeza dengan Sunan Abi Daud seperti berikut:

عَنْ عَائِشَةَ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «أَيُّمَا امْرَأَةٍ نَكَحَتْ بِغَيْرِ إِذْنٍ وَلِيِّهَا فَنِكَاحُهَا بَاطِلٌ»، فَنِكَاحُهَا بَاطِلٌ، فَإِنْ دَخَلَ بِهَا فَلَهَا الْمَهْرُ بِمَا اسْتَحْلَ مِنْ فَرْجِهَا، فَإِنْ اسْتَجْزَوْا فَالْأَسْطُطَانُ وَلِيُّ مَنْ لَا وَلِيَّ لَهُ [رواه الترمذي في كتاب النكاح، باب لا نكاح إلا بإذن الولي، رقم الحديث: 1102].

Bermaksud:

*“Daripada ‘Aisyah: Bahawasanya Rasulullah SAW bersabda: ‘Mana-mana wanita yang dinikahkan tanpa izin walinya, maka nikahnya adalah tidak sah, **nikahnya tidak sah, nikahnya tidak sah**. Jika suaminya telah menyetubuhinya, maka wanita itu berhak mendapat mahar kerana suami telah menghalalkan kemaluannya (melalui persetubuhan tersebut). Sekiranya berlaku perselisihan, maka pihak pemerintah atau sultan adalah wali bagi wanita yang tidak mempunyai wali”*

[Diriwayatkan oleh al-Tirmidhi dalam Kitab al-Nikah, Bab Tiada Nikah kecuali dengan Wali/Izin Wali, Hadith Nombor 1102]

- Kata Imam at-Tirmizi, Hadith ini berstatus Hasan. Hal ini demikian kerana adanya ‘An’ayah dari Ibn Juraij yang merupakan seorang Mudallis akan tetapi disokong dengan Mutaba’at bagi riwayat ini daripada Huffaz lainnya seperti Yahya bin Sa’id al-Ansari, Yahya bin Ayyub dan Sufyan at-Thauri (At-Tirmizi, 1996).
- Hadith ini juga direkodkan dalam Sunan Ibn Majah pada Kitab Nikah, Bab Tiada Nikah kecuali dengan Wali, Hadith ke-1879 dan dinilai sebagai Sahih oleh Syeikh al-Albani (Ibn Majah, tt):

عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «أَيُّمَا امْرَأَةٍ نَكَحَتْ بِغَيْرِ إِذْنٍ وَلِيِّهَا فَنِكَاحُهَا بَاطِلٌ»، فَنِكَاحُهَا بَاطِلٌ، فَإِنْ دَخَلَ بِهَا فَلَهَا مَهْرُهَا بِمَا أَصَابَ مِنْهَا، فَإِنْ اسْتَجْزَوْا، فَالْأَسْطُطَانُ وَلِيُّ مَنْ لَا وَلِيَّ لَهُ» [رواه ابن ماجه في كتاب النكاح، باب لا نكاح إلا بولي، رقم الحديث: 1879]

Bermaksud:

“Daripada ‘Aisyah beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda: Mana-mana wanita yang dinikahkan tanpa wali, maka nikahnya tidak sah, nikahnya tidak sah, nikahnya tidak sah. Sekiranya suaminya telah menyetubuhinya, maka wanita itu berhak memperoleh maharnya disebabkan persetubuhan tersebut. Sekiranya mereka berselisih, maka pihak pemerintah atau sultan adalah wali bagi wanita yang tidak mempunyai wali”

[Diriwayatkan oleh Ibn Majah dalam Kitab al-Nikah, Bab Tiada Nikah kecuali dengan Wali, Hadith Nombor 1879]

Kesimpulan Status Hadith: Sahih menurut penilaian Syeikh Abdul ‘Aziz ar-Rajihi dan Syeikh al-Albani manakala Hasan menurut Imam at-Tirmizi.

Kesesuaian Nas:

- Didapati terjemahan Hadith ini daripada Ummul Mukminin ‘Aisyah adalah baik. Namun begitu, sudut terjemahan boleh diperbaiki dengan merujuk kepada Matan Hadith yang diriwayatkan dalam tiga Sunan yang ditemui Hadithnya iaitu Sunan Abi Daud, at-Tirmizi dan Ibn Majah.
- Kesilapan yang dikesan pada penukilan Hadith adalah apabila Y.A. Hakim menyatakan bahawasanya Hadith ini diriwayatkan dalam Sahih Muslim (pada pernyataan “(Muslim)” dalam Alasan Penghakiman) yang mana tiada langsung Hadith ini direkodkan dalam Sahih Muslim.
- Dari sudut Istidlal Hadith, konteks perbicaraan adalah berkenaan keperluan mematuhi semua rukun Nikah yang ditetapkan Syarak sebagai syarat sah pernikahan. Sebelum mendatangkan riwayat Hadith, Yang Arif Hakim terlebih dahulu menukikan maklumat daripada al-Fiqh ‘ala Mazahib al-Arba’ah di perenggan ke-31 dengan membawa kalam as-Syafie bagi menyatakan bahawasanya pernikahan yang batil ialah pernikahan yang cacat dari satu rukun daripada rukun-rukun pernikahan, seperti berikut:
[31] Dalam kitab al-Fiqh ‘ala Mazahib al-Arbaah di halaman 94. Jilid Keempat, Imam Syafie ada menjelaskan definisi pernikahan batil sebagai:
“adapun pernikahan yang batil ialah pernikahan yang cacat dari satu rukun daripada rukun-rukun pernikahan”
- Malahan, Y.A. Hakim juga merumuskan pada perenggan ke-33 selepas meneliti konteks kalam as-Syafie dan Hadith Baginda SAW bagi menyatakan perkahwinan yang batal adalah perkahwinan yang cacat dari salah satu rukun nikah, seperti berikut:
[33] Daripada Hadith Saidatina Aisyah ra dan peepat Imam Syafic di atas ini dapatlah difahami bahawa perkahwa yang batil ialah perkahwinan yang tidak memenuhi rukun-rukun syarat sah atau tidak memenuhi salah satu rukun daripada rukun-rukun pernikahan seperti perwalian dan sebagainya.
- Dalam konteks Hadith, sememangnya ketiadaan wali menunjukkan adanya kecacatan pada rukun Wali dalam Nikah serta menjadikan pernikahan tersebut batal.
- Ibn al-Qayyim al-Jauziah dalam Tahzibnya bagi Sunan Abi Daud menyebutkan bahawasanya Hadith ini diamalkan oleh beberapa orang Sahabat Nabi SAW seperti ‘Umar bin al-Khattab, ‘Ali bin Abi Talib, Abu Hurairah, Ibn ‘Abbas dan sahabat lainnya. Antara Fuqaha generasi Tabi’in yang turut berpandangan yang sama ialah Sa’id bin al-Musayyib, al-Hasan al-Basri, al-Qadhi Syuraih, Ibrahim an-Nakhaie dan ‘Umar bin ‘Abdil ‘Aziz. Pandangan ini turut diterima oleh tokoh Sarjana Fiqh seperti as-Syafie, Ahmad, al-Auzaie dan Sufyan at-Thauri (Ibn al-Qayyim, 1994).

Kaedah Penukilan: Tidak tepat berdasarkan Garis Panduan Penulisan Teks Kehakiman oleh JKSM kerana tidak memasukkan elemen-elemen berikut (JKSM, 2014):

- Tidak disebutkan bilangan atau nama kitab dan bab sesuatu Hadith itu didapati.
- Sumber rujukan dalam Bahasa Arab tidak diletakkan.
- Penggunaan perkataan “Maksudnya” berbanding “Bermaksud”.

Nukilan yang tepat adalah seperti berikut:

عَنْ عَائِشَةَ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «أَيُّمَا امْرَأَةٍ نِكَحْتُ بِغَيْرِ إِذْنٍ وَلِيِّهَا فَنِكَاحُهَا بَاطِلٌ»، فَنِكَاحُهَا بَاطِلٌ، فَإِنْ دَخَلَ بِهَا فَلَهَا الْمَهْرُ بِمَا اسْتَحْلَ مِنْ فَرْجِهَا، فَإِنْ اسْتَجْزَوْا فَالْأُسْطُحَانُ وَلِيٌّ مَنْ لَا وَلِيَّ لَهُ [رواه الترمذي في كتاب النكاح، باب لا نكاح إلا بإذن الولي، رقم الحديث: 1102].

Bermaksud:

“Daripada ‘Aisyah: Bahawasanya Rasulullah SAW bersabda: ‘Mana-mana wanita yang dinikahkan tanpa izin walinya, maka nikahnya adalah tidak sah, nikahnya tidak sah, nikahnya tidak sah. Jika suaminya telah menyetubuhinya, maka wanita itu berhak mendapat mahar kerana suami telah menghalalkan kemaluannya (melalui persetubuhan tersebut). Sekiranya

berlaku perselisihan, maka pihak pemerintah atau sultan adalah wali bagi wanita yang tidak mempunyai wali”

(Diriwayatkan oleh al-Tirmidhi dalam Kitab al-Nikah, Bab Tiada Nikah kecuali dengan Wali/Izin Wali, Hadith Nombor 1102)

- 2. Nas Hadith Kedua:** Hadith Nabi SAW berikut (Alasan Penghakiman Kes Iqmal Syahir Danial bin Hamdan dan Nooratika binti Abu Daud, 2015):

[52] Di zaman Rasulullah SAW., sabitan nasab pernah dilakukan berdasarkan pendapat *qa'if*. Seorang *qa'if* mempunyai kemahiran dalam melihat persamaan urat tapak kaki...

Fakta Nas: Nas ini dinukilkan pada muka surat ke-155, perenggan ke-52 bagi Alasan Penghakiman Kes Iqmal Syahir Danial bin Hamdan dan Nooratika binti Abu Daud. Konteks nas adalah seperti berikut:

[52] Di zaman Rasulullah SAW., sabitan nasab pernah dilakukan berdasarkan pendapat *qa'if*. Seorang *qa'if* mempunyai kemahiran dalam melihat persamaan urat tapak kaki. Ibnu Qayyim berpendapat bahawa *qiyafah* lebih berupa persamaan antara anak dengan bapanya secara zahir. Ia lebih khusus merujuk kepada rupa paras, bentuk dan bentuk tubuh badan yang boleh diketahui secara khusus oleh *qa'if*.

Takhrij Hadith:

- Kisah yang dinukilkan dalam Alasan Penghakiman oleh Y.A. Hakim ini tidak langsung dinyatakan sanad beserta rawi ‘alanya dan juga matan kepada kisah tersebut.
- Justeru, rujukan perlu dicari daripada karya asal Hadith yang bersanad bagi mensabitkan kewujudan kisah ini yang menunjukkan sabitan nasab pernah dilakukan berdasarkan pendapat *qa'if* dalam ilmu *qiyafah*.
- Berdasarkan dapatan carian, sememangnya kisah ini pernah direkodkan berlaku ketika Nabi SAW berada di Madinah al-Munawwarah dan ketika itu Nabi SAW merupakan ketua negara serta Qadi bagi sekalian penduduk Madinah.
- Kisah ini direkodkan dalam Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim dan Sunan Abi Daud yang kesemuanya bersambung kepada Ummul Mukminin ‘Aisyah RA.
- Dalam Sahih al-Bukhari, kisah ini direkodkan dalam Kitab al-Fara'id, Bab al-Qa'if, Hadith ke-6770 dan 6771 seperti berikut (Al-Bukhari, 2001):

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ: «إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ دَخَلَ عَلَيَّ مَسْرُورًا تَبِعْتُ أَصَابِرُهُ وَجْهَهُ فَقَالَ: أَلَمْ تَرَيِ أَنَّ مُحْجَرًا نَظَرَ أَنْفًا إِلَى زَيْدِ بْنِ حَارِثَةَ وَأَسَامَةَ بْنِ زَيْدٍ، فَقَالَ: إِنَّ هَذِهِ الْأَقْدَامَ بَعْضُهَا مِنْ بَعْضٍ» [رواه البخاري في كتاب الفرائض، باب القائف رقم الحديث: 6770 & 6771].

Bermaksud:

“Daripada ‘Aisyah, beliau berkata: Sesungguhnya Rasulullah SAW telah masuk menemui dalam keadaan gembira, berseri-seri wajah Baginda, lalu Baginda bersabda: ‘Tidakkah engkau melihat bahawa tadi Mujazziz (sahabat Baginda SAW dan seorang qa'if) telah memerhatikan Zaid bin Harithah dan Usamah bin Zaid, kemudian dia berkata: Sesungguhnya kedua-dua tapak kaki ini sebahagiannya berasal daripada yang lain (yakni ada persamaan antara keduanya)’”

[Riwayat al-Bukhari, Kitab al-Fara'id, Bab al-Qa'if, Hadith Nombor 6770 & 6771]

- Dalam Sahih Muslim, kisah ini direkodkan dalam Kitab al-Radha', Bab Amal dengan persaksian al-Qa'if berkenaan nasab anak, Hadith ke-1459 daripada ‘Aisyah berikut (Muslim, 1955):

عَنْ عَائِشَةَ؛ أَنَّهَا قَالَتْ: «إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَخَلَ عَلَيَّ مَسْرُورًا، تَبَرَّقَ أَسَارِيرُ وَجْهِهِ. فَقَالَ أَلَمْ تَرَيَّ أَنَّ مُحْزِرًا نَظَرَ آتِنَا إِلَى زَيْدِ بْنِ حَارِثَةَ وَأُسَامَةَ بْنِ زَيْدٍ. فَقَالَ: إِنَّ بَعْضَ هَذِهِ الْأَقْدَامِ لَمِنْ بَعْضٍ» [رواه مسلم في كتاب الرضاع، باب العمل بالحقائق القائف الولد، رقم الحديث: 1459]

Bermaksud:

“Daripada ‘Aisyah RA bahawa beliau berkata: Sesungguhnya Rasulullah SAW telah masuk menemuiku dalam keadaan gembira, berseri-seri wajah Baginda. Lalu Baginda bersabda: ‘Tidakkah engkau melihat bahawa tadi Mujazziz telah memerhatikan Zaid bin Harithah dan Usamah bin Zaid, kemudian dia berkata: Sesungguhnya sebahagian daripada kedua-dua tapak kaki ini berasal daripada sebahagian yang lain (yakni ada persamaan antara keduanya)’”

[Riwayat Muslim, Kitab al-Radha’, Bab Amal dengan persaksian al-Qa’if berkenaan nasab anak, Hadith Nombor 1459]

- Manakala dalam Sunan Abi Daud, Hadith ini direkodkan dalam Kitab Talak, Bab fi al-Qafah, Hadith ke-2267 dan 2268 daripada ‘Aisyah dengan penilaian Sahih oleh al-Albani (Abu Daud, tt):
عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ: دَخَلَ عَلَيَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، - قَالَ مُسَدَّدٌ: وَابْنُ السَّيِّحِ - يَوْمًا مَسْرُورًا، - وَقَالَ عُثْمَانُ: - تُعْرِثُ أَسَارِيرَ وَجْهِهِ، فَقَالَ: " أَيْ عَائِشَةُ، أَلَمْ تَرَيَّ أَنَّ مُحْزِرًا الْمُدَلِّجِي رَأَى زَيْدًا، وَأُسَامَةَ قَدْ عَطَيْنَا رُءُوسَهُمَا بِقَطِيفَةٍ، وَبَدَتْ أَقْدَامُهُمَا فَقَالَ: إِنَّ هَذِهِ الْأَقْدَامَ بَعْضُهَا مِنْ بَعْضٍ "، قَالَ أَبُو دَاوُدَ: «كَانَ أُسَامَةُ أَسْوَدَ، وَكَانَ زَيْدٌ أَبْيَضَ» [رواه أبو داود في كتاب الطلاق، باب في القافة، رقم الحديث: 2267 & 2268].

Bermaksud:

“Daripada ‘Aisyah, beliau berkata: Rasulullah SAW telah masuk menemuiku pada suatu hari dalam keadaan gembira — Musaddad dan Ibn al-Sarh meriwayatkan demikian — dan ‘Uthman berkata: ‘Kelihatan jelas kegembiraan pada raut wajah Baginda.’ Lalu Baginda bersabda: ‘Wahai ‘Aisyah, tidakkah engkau melihat bahawa Mujazziz al-Mudlijy telah melihat Zaid dan Usamah yang menutupi kepala mereka berdua dengan sehelai kain, dan hanya menampakkan kaki mereka. Maka Mujazziz berkata: Sesungguhnya kedua-dua tapak kaki ini berasal sebahagian daripada yang lain (yakni menunjukkan hubungan nasab antara mereka).’ Abu Dawud menambah: ‘Usamah berkulit hitam manakala Zaid berkulit putih’”

[Riwayat Abu Dawud, Kitab al-Talaq, Bab fi al-Qafah, Hadith Nombor 2267 & 2268]

- Kesemua Riwayat diriwayatkan dengan matan yang hamper sama dan selari dengan konteks yang dibawakan dalam Alasan Penghakiman berkenaan sabitan nasab pernah dilakukan berdasarkan pendapat *qa’if* yang mempunyai kemahiran dalam melihat persamaan urat tapak kaki pada zaman Rasulullah SAW.

Kesimpulan Status Hadith: *Sahih* kerana ianya Mutaffaq ‘alaih oleh al-Bukhari dan Muslim dalam Sahih mereka, serta disokong oleh Riwayat Abu Daud yang dinilai Sahih oleh al-Albani.

Kesesuaian Nas:

- Tuntasnya, kisah yang disebutkan dalam Alasan Penghakiman sememangnya wujud dan ianya adalah kisah yang dinilai sebagai Sahih.
- Akan tetapi, kisah yang dibawakan ini dinukilkan tanpa dibawakan apa-apa sanad atau matan serta berbentuk penceritaan yang menafikan disiplin ilmu penukilan Hadith secara ilmiah.
- Hadith ini dinukilkan dalam konteks menerangkan beberapa kaedah yang digunakan sejak zaman Nabi SAW berkenaan sabitan Nasab. Alasan Penghakiman juga menyenaraikan beberapa kaedah lain yang dinukilkan daripada kitab-kitab Fiqh merentasi Mazhab yang

menggariskan bahawasanya Nasab disabitkan melalui perkahwinan yang sah, kesaksian, *Iqrar*, *Istifadah* serta *Qiyafah* oleh *qa'if* seperti yang didatangkan dari Hadith di atas.

- Konteks Alasan Penghakiman pada perenggan ke-52 yang menukikan penjelasan daripada Ibn al-Qayyim juga menguatkan lagi asas aplikasi ilmu *Qiyafah* pada zaman tersebut.
- Malahan, al-Azhim Abadi ketika mensyarahkan Hadith ini menukikan bahawasanya Al-Khattabi menjelaskan bahawa Hadith ini menjadi dalil yang membuktikan kewujudan dan kesahihan hukum berdasarkan pandangan golongan al-Qafah (pakar yang mengenal pasti pertalian nasab melalui ciri fizikal). Hal ini kerana Rasulullah SAW tidak akan menzahirkan rasa gembira melainkan terhadap perkara yang benar di sisi Baginda.
- Tambahan pula, pada ketika itu, masyarakat telah meragui hubungan nasab antara Zaid bin Harithah dan anaknya Usamah bin Zaid, kerana Zaid berkulit putih manakala Usamah berkulit hitam. Keraguan tersebut menyebabkan orang ramai berbahas dan memperkatakan sesuatu yang menyakitkan hati Rasulullah SAW apabila mendengarnya. Namun, apabila Baginda mendengar kenyataan Mujazziz al-Mudlijiy yang mengesahkan pertalian antara mereka melalui pemerhatian terhadap bentuk kaki, Baginda berasa gembira dan tenang dengan hal tersebut (Al-Azhim Abadi, 1994).
- Amalan *Qiyafah* oleh *qa'if* juga direkodkan diamalkan oleh sahabat seperti 'Umar, 'Ali, Ibn 'Abbas, Anas dan Abu Musa. Jumhur Mazhab juga menerima amalan ini kecuali Imam Abu Hanifah dan Ashabnya. Hal ini dinukilkan dalam Alasan Penghakiman dan turut dijelaskan oleh al-Khattabi (Al-Azhim Abadi, 1994). Alasan Penghakiman adalah seperti berikut:
[53] Amalan ini telah diikuti oleh Sayyidina Umar Al-Khattab, Abu Musa al-Ashaari, Ali bin Abi Talib, Abnu Abbas dan Anas bin Malik. Amalan ini juga tidak disanggah oleh para Sahabat. Dalam kalangan jumhur ulama, mereka menerima tatacara ini kecuali Imam Abu Hanifah dan sahabat-sahabatnya sahaja.
- Akan tetapi, amalan *Qiyafah* oleh *qa'if* adalah selepas wujudnya sabitan Nasab melalui perkahwinan, malah perkahwinan yang sah adalah lebih *Rajih* berbanding *Qiyafah*, seperti yang direkodkan dalam sebuah Hadith berikut:

Diriwayatkan oleh 'Aisyah RA bahawasanya beliau berkata: Sa'd bin Abi Waqqas dan 'Abd bin Zam'ah bergaduh kerana seorang anak lelaki. Sa'd berkata: "Wahai Rasulullah saudaraku ('Utba bin Abi Waqqas) mendakwa bahasanya anak ini adalah anaknya, lihatlah dia siapakah yang menyerupainya". Dan 'Abd bin Zam'ah pun berkata: Ini adalah saudaraku Wahai Rasulullah, dilahirkan di atas katil ayahku daripada hamba perempuannya. Rasulullah ﷺ memandang ke arah budak lelaki itu dan mendapati persamaan yang pasti dengan 'Utba lalu berkata, "Budak itu untukmu, wahai 'Abd. (Nasab) Anak itu (bagi empunya) pemilik tempat tidur (perkahwinan yang sah) dan pezina (mendapat tidak lain hanyalah mendapat) batu -putus asa, iaitu dilempari batu sampai mati-, dan berhijablah (menutup aurat) daripadanya (anak itu) wahai Saudah binti Zam'ah". 'Aisyah berkata: Anak itu tidak pernah melihat Saudah lagi [Mutaffaq 'alaih]

[Sahih al-Bukhari: Kitab al-Buyu', Bab Pembelian Hamba daripada Kafir Harbi dan menghadiahkan Hamba tersebut dan membebaskannya, Hadith Nombor 2218].

Kaedah Penulisan: Tidak tepat berdasarkan Garis Panduan Penulisan Teks Kehakiman oleh JKSM kerana tidak memasukkan elemen-elemen berikut (JKSM, 2014):

- Tidak mendatangkan Teks Hadith dalam Bahasa Arab
- Tidak disebutkan bilangan atau nama kitab dan bab sesuatu Hadith itu didapati.

Nukilan yang tepat adalah seperti berikut:

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ: «إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ دَخَلَ عَلَيَّ مَسْرُورًا تَبَرُّقُ أَسَارِيرُ وَجْهِهِ فَقَالَ: أَلَمْ تَرَي أَنَّ مُحَرَّرًا نَظَرَ آتِفًا إِلَى زَيْدِ بْنِ خَارِثَةَ وَأَسَامَةَ بْنِ زَيْدٍ، فَقَالَ: إِنَّ هَذِهِ الْأَقْدَامَ بَعْضُهَا مِنْ بَعْضٍ» [رواه البخاري في كتاب الفرائض، باب القاتن رقم الحديث: 6770 & 6771].

Bermaksud:

“Daripada ‘Aisyah, beliau berkata: Sesungguhnya Rasulullah SAW telah masuk menemui dalam keadaan gembira, berseri-seri wajah Baginda, lalu Baginda bersabda: ‘Tidakkah engkau melihat bahawa tadi Mujazziz (sahabat Baginda SAW dan seorang qa’if) telah memerhatikan Zaid bin Harithah dan Usamah bin Zaid, kemudian dia berkata: Sesungguhnya kedua-dua tapak kaki ini sebahagiannya berasal daripada yang lain (yakni ada persamaan antara keduanya)”

(Riwayat al-Bukhari, Kitab al-Fara'id, Bab al-Qa'if, Hadith Nombor 6770 & 6771)

Perbincangan

Kajian ini meneliti secara mendalam penggunaan nas al-Quran dan Hadith dalam teks Alasan Penghakiman kes Iqmal Syahir Danial bin Hamdan lwn. Nooratika binti Abu Daud di Mahkamah Tinggi Syariah Perak. Analisis ini menunjukkan bahawa kedua-dua sumber utama hukum Islam tersebut diaplikasikan secara langsung sebagai asas hujah dalam penentuan status anak serta kesahihan hubungan nasab. Amalan ini membuktikan bahawa hakim-hakim Mahkamah Syariah masih mengekalkan tradisi berhubung beraskan wahyu sebagaimana yang dituntut oleh prinsip maqasid al-shariah dan digariskan dalam Garis Panduan Penulisan Teks Penghakiman (JKSM, 2014). Namun begitu, hasil kajian turut mengesan beberapa kelemahan dari segi kaedah penukilan dan penyusunan teks nas yang perlu diperhalusi agar menepati standard akademik Syariah dan adab penulisan al-Quran serta Hadith.

Analisis terhadap penggunaan nas al-Quran mendapati bahawa Y.A. Hakim menggunakan empat ayat sebagai hujah utama dalam penghakiman. Ayat 58 Surah an-Nisa' digunakan untuk menegaskan tanggungjawab menunaikan amanah dan berlaku adil dalam membuat keputusan kehakiman. Ayat 189 Surah al-A'raaf pula menjadi sandaran kepada prinsip penentuan hubungan nasab yang berasaskan keturunan yang sah. Seterusnya, ayat 15 Surah al-Ahqaf dan ayat 14 Surah Luqman digunakan untuk menjustifikasikan tempoh minimum kehamilan dan penyusuan yang diiktiraf dalam hukum Islam, iaitu enam bulan dan dua tahun. Pemilihan ayat-ayat ini menunjukkan kefahaman mendalam terhadap konteks ayat dan hubungannya dengan isu perundangan kekeluargaan yang dibicarakan.

Walaupun penggunaan ayat al-Quran dalam kes ini bertepatan dengan konteks perundangan Syariah, analisis mendapati berlaku ketidaktepatan dari sudut teknikal penulisan. Antaranya ialah kesilapan dalam penukilan teks Arab, ketiadaan transliterasi yang seragam, serta kekurangan maklumat rujukan surah dan ayat sebagaimana yang disyaratkan dalam Garis Panduan Penulisan Teks Kehakiman JKSM. Kekurangan ini boleh menjejaskan ketepatan akademik dan integriti teks, justeru memerlukan penambahbaikan dari segi penyuntingan dan semakan ilmiah. Walaupun begitu, prinsip berhujah berdasarkan al-Quran kekal sebagai kekuatan utama dalam teks penghakiman kerana ia memperlihatkan keserasian antara undang-undang Islam dan nilai keadilan sejagat.

Selain nas al-Quran, kajian turut meneliti dua Hadith yang dijadikan asas hujah oleh hakim dalam kes yang sama. Hadith pertama berkaitan keabsahan pernikahan tanpa wali, manakala Hadith kedua membincangkan kaedah penentuan nasab melalui qiyafah oleh seorang qa'if. Kedua-dua Hadith ini memperkukuh justifikasi hukum yang berpaksikan kepada nas syarak, sekali gus menunjukkan bahawa hakim tidak hanya berpegang pada teks al-Quran tetapi turut merujuk kepada Sunnah sebagai pelengkap dan penjelas kepada hukum-hukum yang bersifat tafsili. Penggunaan Hadith ini mencerminkan penerapan prinsip al-Quran yadullu 'ala al-kulliyat wa al-sunnah tubayyinul al-juz'iyyat, iaitu al-Quran memberikan dasar umum manakala Hadith menjelaskan perinciannya.

Hasil Takhrij terhadap Hadith pertama mendapati bahawa ia bukan diriwayatkan oleh Imam Muslim sebagaimana yang dinyatakan dalam Alasan Penghakiman, sebaliknya oleh Abu Daud, at-

Tirmizi dan Ibn Majah. Ketidaktepatan ini menunjukkan wujud keperluan memperkukuh kompetensi hakim dalam disiplin Takhrij dan ilmu Hadith agar penukilan sumber dapat dilakukan dengan tepat dan sahih. Walau bagaimanapun, dari segi konteks penggunaan, Hadith tersebut tetap relevan kerana ia menegaskan bahawa ketiadaan wali menyebabkan akad nikah tidak sah, sesuai dengan pandangan majoriti fuqaha termasuk Imam as-Syafie dan Ibn al-Qayyim. Oleh itu, kesilapan teknikal ini tidak menjejaskan kekuatan hujah hukum, tetapi mencerminkan perlunya peningkatan disiplin ilmiah dalam penyediaan teks penghakiman.

Bagi Hadith kedua yang membicarakan tentang qiyafah sebagai asas pengesahan nasab, hasil Takhrij menunjukkan bahawa ia diriwayatkan secara muttafaq ‘alaih oleh Imam al-Bukhari dan Muslim serta disokong oleh riwayat Abu Daud. Hadith ini membuktikan penerimaan qiyafah sebagai kaedah sah di sisi syarak dalam menentukan nasab apabila wujud keraguan. Walau bagaimanapun, Alasan Penghakiman tidak menyertakan teks Arab dan sumber lengkap Hadith, sekali gus tidak memenuhi piawaian Garis Panduan Penulisan Teks Kehakiman JKSM (2014). Namun dari segi substansinya, penggunaan Hadith ini tepat kerana ia mendukung prinsip keadilan dalam menentukan keturunan secara sah dan mengelakkan tuduhan zina tanpa bukti yang kukuh.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa Mahkamah Syariah mengaplikasikan nas al-Quran dan Hadith bukan semata-mata sebagai hiasan teks, tetapi sebagai hujah substantif yang menjadi asas epistemologi kepada keputusan kehakiman. Penggunaan kedua-dua sumber ini menggambarkan integrasi antara teks wahyu dan realiti undang-undang kontemporari. Walau bagaimanapun, penambahbaikan dari segi metodologi penukilan, Takhrij dan penyusunan teks Arab perlu dilaksanakan agar sejajar dengan Garis Panduan Penulisan Teks Kehakiman yang dikeluarkan oleh JKSM. Justeru, pemantapan kompetensi hakim dalam ilmu tafsir, Hadith dan penulisan akademik Islam amat penting bagi memastikan teks penghakiman yang dihasilkan menepati nilai keilmuan, ketepatan hukum serta kewibawaan kehakiman Syariah di Malaysia.

Rujukan

- Abu Daud, M.Y. (TT). Sunan Abi Daud. Syria: Dar Ihya al-Kutub al-‘Arabiah.
- Ad-Daraqutni, A.U. (1985). Al-‘Ilal al-Waridah fi al-Ahadith an-Nabawiah. Riyadh: Dar at-Taibah.
- Al-Azhim Abadi, A.A. (1994). ‘Aun al-Ma’bud syarh Sunan Abi Daud. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiah.
- Al-Bukhari, M.I. (2001). Sahih al-Bukhari. Beirut: Dar Tuq an-Najah.
- Al-Jalalain, J.S. (TT). Tafsir al-Jalalian. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Al-Jaziri, A.R. (2004). Al-Fiqh ‘ala Mazahib al-‘Arba’ah. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiah.
- At-Tabari, M.J. (TT). Jami’ al-Bayan ‘an Ta’wil Ayil Quran. Mekah: Dar at-Tarbiah wat Turath.
- At-Tirmizi, M.I. (1996). Sunan at-Tirmizi. Beirut: Dar al-Gharab al-Islami.
- Ghazali, A.R. (2005). Proses Penghakiman dan Menjatuhkan Keputusan di Mahkamah Syariah: Satu Penilaian. *Jurnal Hukum Jilid XIX* (2), 189-216.
- Halid, A.R.I. et al. (2025). Masa Kehamilan dan Persalinan dalam Perspektif Al-Qur’an dan Sains: Kajian Surah Al-Ahqaf Ayat 15, Hamalatul Qur’an: *Jurnal Ilmu-ilmu Al-Qur’an* (6), 25-34.
- Harun, J. (2003). Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak: Menara Kebesaran Adab Hubungan Raja dengan Menteri. *Jurnal Peradaban Melayu* (1), 165-183.
- Ibn al-Qas, A.A. (1989). Adab al-Qadhi. Saudi: Maktabah as-Siddiq.

- Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah, M.A. (1994). Tahzib Sunan Abi Daud wa Idhah 'Ilalihi wa Musykilatihi. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- Ibn Kathir, I.U. (1998). Tafsir Ibn Kathir. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- Ibn Majah, M.Y. (tt). Sunan Ibn Majah. Aleppo: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiah.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), (2014). Garis Panduan Penulisan Teks Kehakiman.
- Muhammad, R. W. (2009). Sejarah Pentadbiran kehakiman Islam di Malaysia: Suatu Sorotan, dalam Kanun. *Jurnal Undang-Undang Malaysia* (1), 6-7.
- Muslim, M.A. (1915). Sahih Muslim. Turki: Dar at-Taba'ah al-'Amirah.
- Muslim, M.A. (1955). Sahih Muslim. Kaherah: Matba'ah 'Isa.
- Mustafa al-Bugha. (2016). Al-Fiqh al-Manhaji 'ala Mazhab al-Imam as-Syafie. Damsyik: Dar al-Mustafa.
- Mustaqim, M & Noormasitah, J. (2022). Ulasan Alasan Penghakiman Kes Iqmal Syahir Danial bin Hamdan dan Nooratika binti Abu Daud, *Jurnal Syariah Perak al-Qanun* (1), 326-333.
- Nasir, A.H. (1977). Sejarah Perak. Kuala Lumpur: Penerbitan Jabatan Muzium Kuala Lumpur.
- Sayidah, A.B, Muhammad, R.O, & Zulzaidi Mahmod. (2022). Penulisan Alasan Penghakiman dan Prosedur di Mahkamah Syariah Berpandukan Hadis: Analisis Pemakaian dan Pengecualian. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* (7), 1-12.
- Zuhaili, W. 1984. Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Zurina, M. et al. (2023). Penasaban dan Pendaftaran Kelahiran Anak Tidak Sah Taraf Orang Islam di Malaysia dan negara Asian Lain, *Islamiyyat* 45(2), 15-38.

Akta/Enakmen

Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004

Kes

Esah binti Mohamad lwn. Mad Noor bin Lamin (Rayuan Perayu) [2022] JSPAQ 54-89

Iqmal Syahir Danial bin Hamdan dan Nooratika binti Abu Daud [2015] JSPAQ 139-158